

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI MASJID

Prof. Madya Dr. Mohd. Yusuf Ahmad
Fakulti Sains Sosial Gunaan
Open University Malaysia

Abstrak

Kertas ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai sejarah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di masjid dan kaedahnya. Pertamanya penulis cuba menonjolkan beberapa buah masjid terkenal di dalam sejarah Islam, khususnya di Asia Barat dan di Andalus. Ini termasuklah Masjid al-Nabawi, Masjid al-Haram, Jami' al-Umawi, Jami' al-Mansor dan lain-lain. Seterusnya penulis akan mencadangkan beberapa kaedah pengajaran dan pengajaran untuk diaplikasikan di masjid dan surau demi untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan juga untuk menarik minat generasi muda agar sudi menghadiri diri di masjid-masjid dan surau bagi mengikuti kelas-kelas pengajian serta mendalami ilmu-ilmu Islam.

Pendahuluan

Pengajaran dan pembelajaran ilmu-ilmu Islam di masjid telah wujud sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat lagi. Masjid al-Nabawi di Madinah al-Munawwarah merupakan masjid yang pertama menjadi institusi Pendidikan Islam. Di dalam zaman kecemerlangan Islam, masjid terus menjadi pusat pengajian ilmu-ilmu Islam dan pendidikan Islam. Di kebanyakan masjid, ilmu-ilmu Islam disampaikan secara kuliah dan *halaqah*. Kaedah ini diamalkan hingga ke hari ini. Oleh sebab keadaan serta corak hidup manusia telah banyak berubah, maka kaedah pengajaran di masjid-masjid pun patut juga dibuat sedikit perubahan bagi menarik jemaah yang telah terdedah dengan teknik-teknik moden yang berbeza bentuknya itu ke arah yang lebih baik dan lebih menarik. Semoga dengan itu diharapkan akan dapat mempertingkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara *umumi* di masjid-masjid.

Masjid Sebagai Institusi Pendidikan Islam.

Sebagai seorang Islam, kita mestilah meyakini bahawa guru yang pertama mengajar pendidikan Islam ialah Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muttalib, iaitu Rasul Allah yang terakhir yang dibangkitkan di Tanah Arab, yang lebih dikenali dengan Nabi Muhammad s.a.w. Pada zaman Makkah baginda s.a.w. mengajar di rumahnya (Haykal, 1976,) dan di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam (Shalaby, 1981). Setelah berpindah ke Madinah al-Munawwarah, baginda s.a.w. dengan pertolongan daripada para sahabat berjaya membina sebuah masjid di Madinah yang dikenali hingga ke hari ini dengan nama Masjid al-Nabawi. Inilah institusi Pendidikan Islam yang pertama ditadbirkan secara formal untuk orang Islam. Di masjid ini Nabi Muhammad s.a.w. mengajar para sahabat setiap hari mengenai ilmu-ilmu Islam yang termasuk hukum hakam, aqidah dan sebagainya. Manakala bagi kaum wanita Rasulullah berjumpa dengan mereka seminggu sekali, iaitu pada hari Jumaat (Kinnany, 1980). Biasanya, Nabi s.a.w. membaca ayat-ayat suci al-Quran dan menghuraikan maknanya. Inilah kurikulum pengajian Islam pada masa itu.

Selain daripada kuliah umum, Rasulullah s.a.w. juga menyusun kuliah khas di masjid ini. Kuliah khas ini diadakan di anjung masjid yang digelar *al-Suffah* (Al-Naqib, 1984). Orang yang belajar di sini digelar *Ahlu al-Suffah* (أهل الصُّفَّة). Mata pelajaran yang diajar di sini bukan sahaja membaca al-Quran, malah termasuk juga sejarah, syair, akhlak, bahasa dan lain-lain (Abdullah Ishak, 1995). Menurut al-Ansari (1993) bahawa terdapat 20 mata pelajaran yang diajar di Masjid al-Nabawi pada zaman Rasulullah s.a.w. Ini termasuklah Ilmu al-Fasahah wa al-Balaghah, Geografi, Kesihatan, Bacaan dan

Tulisan, Hisab, Perubatan dan lain-lain. Ini bermakna bahawa Masjid Rasulullah s.a.w. telah menjadi pusat pengajian yang pertama dan terulung di dalam sejarah Islam.

Pada zaman kegemilangan Islam, negara Islam telah berkembang luas daripada Semenanjung Tanah Arab seperti Sham dan Baghdad hingga ke Afrika Utara dan juga Andalus (Spanyol). Di negeri-negeri ini juga dibina masjid-masjid sebagai tempat beribadat dan juga tempat mengajar ilmu-ilmu Islam. Antara masjid yang terkenal ialah Jami' al-Umawi di Damshik, Jami' al-Mansor di Baghdad, Masjid Basrah, Masjid Kufah, Masjid al-Azhar dibina pada tahun 970M di Qahirah yang akhirnya menjadi Universiti Islam Antarabangsa al-Azhar pada tahun 1961 (Al-Maqrizi (t.t.), Ahmad Amin, 1969). Di Qahirah juga terdapat Masjid Ahmad Ibnu Tulun dan Masjid `Amru bin al-`As.

Selain daripada itu terdapat pula beberapa buah masjid di Andalus seperti Masjid al-Qurtubah (758M) yang akhirnya menjadi Universiti Islam Antarabangsa Cordova. Pada tahun 912M, Masjid Gharnatah di Granada ditubuhkan yang akhirnya menjadi Universiti Islam Granada. Selain itu terdapat beberapa buah lagi masjid seperti masjid di Ishbiliyah, Malaga, Palencia dan Almera (Ahmad Haji Hasbullah, 1998). Semua masjid ini adalah menjadi pusat pendidikan Islam di zaman kegemilangan Islam.

Apabila Islam sampai di Tanah Melayu, yang bermula pada zaman kesultanan Melaka, selain daripada istana, maka masjid juga menjadi pusat pengajian ilmu-ilmu Islam (Hall, D.G.E., 1968). Sehingga ke hari ini masjid memainkan peranan penting

di seluruh tanah air sebagai pusat pengajian Islam atau pusat pendidikan Islam. Di sinilah berlakunya aktiviti pengajaran dan pembelajaran ilmu-ilmu Islam.

Pengajaran dan Pembelajaran

Sebelum kita bincangkan dengan lebih panjang mengenai pengajaran dan pembelajaran, maka lebih baik kita fahami dahulu konsep pengajaran dan pembelajaran supaya senang kita bincang perkara yang selanjutnya, iaitu yang berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Pengajaran, pembelajaran dan pendidikan merupakan tiga istilah yang saling berkaitan di antara satu sama lain dan tidak dapat dipisahkan. Apabila ada guru yang mengajar tentulah ada murid yang belajar. Maka di sini berlaku pengajaran dan pembelajaran. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran tentulah ada bahan atau ilmu yang diajar atau pendidikan yang diterapkan. Ilmu yang didapati dan nasihat yang berkesan itulah yang menjadi pendidikan Islam kepada murid.

Walaupun demikian, ada kalanya berlaku proses pengajaran tetapi tidak berlaku pembelajaran. Ada masanya pula berlaku pengajaran dan pembelajaran tetapi tidak berlaku pendidikan. Apakah maksud ketiga-tiga istilah tersebut? Mari sama-sama kita perhatikan maksudnya dan buat analisis terhadap apa yang berlaku dalam kelas-kelas pengajian di masjid-masjid dan surau-surau di Negara kita. Apakah benar wujudnya pengajaran dan pembelajaran serta terhasil pendidikan?.

Pertama kita lihat maksud pengajaran. Mengikut Kamus Dewan (2005), Perkataan “pengajaran” itu asalnya daripada perkataan “ajar” yang bermaksud menyampaikan ilmu pengetahuan (kemahiran dan sebagainya) kepada orang lain. Ia juga bermaksud mendidik, memberi petunjuk dan melatih.

Dalam istilah pendidikan, pengajaran bermaksud satu proses di mana kegiatan-kegiatan disusun untuk membawa perubahan tingkah laku pada diri murid-murid (Ragbir Kaur, 2005).

Daripada keterangan di atas kita fahami bahawa matlamat daripada pengajaran dan pembelajaran ialah perubahan tingkah laku. Sekarang kita perhatikan pula apa maksud pembelajaran.

Di dalam Kamus Dewan (2005) dijelaskan bahawa belajar ialah berusaha untuk memperolehi ilmu pengetahuan (sesuatu kepandaian dan lain-lain). Ini termasuklah juga menjalani latihan. Orang yang belajar ialah yang memahami dan mengetahui sesuatu. Orang yang memahami sesuatu akan bertindak mengikut apa yang ia fahami. Itulah yang dikatakan bahawa pengetahuannya itu mendorongnya ke arah perubahan tingkah laku. Contohnya, orang yang mengetahui bahawa bergerak-gerak yang banyak di dalam solat itu akan membatalkan solatnya, maka dia akan jauhi perkara itu semasa ia sedang solat. Inilah yang dikatakan perubahan tingkah laku hasil daripada pengajaran dan pembelajaran. Kalau dah tahu bahawa bergerak-gerak banyak di dalam solat boleh membatalkan solat tetapi masih juga berbuat demikian, masih juga bergerak-gerak,

bermakna tidak ada pembelajaran walaupun wujud pengajaran. Sebab itu tidak berlaku perubahan tingkah laku. Antara sebabnya ialah pengajaran dan pembelajaran itu tidak berkesan kerana sebab-sebab tertentu. Antara sebabnya ialah kaedah penyampaian, iaitu guru tidak mempunyai objektif pengajaran dan pembelajaran yang terancang.

Bagaimana pula dengan pendidikan dan Pendidikan Islam? Kalimah “Pendidikan“ berasal daripada akar-kata “didik” yang bermaksud perihal mendidik dan melatih (Kamus Dewan, 2005). Syed Muhammad al-Naquib al-Attas mendefinisikan pendidikan dengan “Education is a process of instilling something into human being”. Iaitu proses menitiskan sesuatu ke dalam diri manusia (Al-Attas, 1997).

Bila dikaitkan perkataan pendidikan itu dengan kalimah “Islam”, menjadi “Pendidikan Islam”, ia bermaksud lebih khusus, iaitu mendidik manusia mengikut ajaran Islam (Mohd. Yusuf Ahmad, 2004). Berdasarkan kata-kata al-Attas tadi, “menitiskan sesuatu” ialah menitiskan nilai yang baik. Nilai yang baik itu ialah nilai Islam, dan ini termasuklah ilmu pengetahuan Islam, akhlak, kefahaman sirah dan lain-lain. Jadi orang yang terdidik dengan pendidikan Islam akan berubah tingkah lakunya ke arah penghayatan nilai Islam yang sempurna. Seperti contoh di atas, iaitu orang yang tahu dan faham bahawa bergerak-gerak yang banyak di dalam solat itu membatalkan solat, maka ia berubah dan tidak lagi bergerak-gerak banyak yang dilarang semasa sedang melakukan solat.

Sekarang kita telah pun memahami konsep pengajaran dan pembelajaran. Setelah memahami konsep pengajaran dan pembelajaran, pendidikan dan Pendidikan Islam, barulah mudah kita bincangkan tajuk yang ditetapkan dalam seminar ini, iaitu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Masjid.

Sinario Pengajaran dan Pembelajaran di Masjid

Di kebanyakan masjid, ilmu-ilmu Islam disampaikan secara kuliah dan *halaqah*. Iaitu guru yang mengajar duduk bersila di atas lantai dan tidak mempunyai Alat Bantu Mengajar (ABM) kecuali buku atau kitab. Biasanya penyampaian berjalan secara satu hala sahaja, iaitu guru menyampaikan dan murid mendengar. Seseekali adalah juga soalan daripada kalangan murid atau jemaah. Jarang-jarang kita dapati guru yang mengajar di masjid menggunakan Alat Bantu Mengajar selain daripada kitab yang dibaca.

Di akhir-akhir ini didapati banyak masjid dan surau yang menyediakan kerusi dan meja untuk guru duduk supaya kelihatan lebih tinggi dan dapat dipandang lebih jelas berbanding dengan guru duduk bersila di atas lantai. Malah sebahagian masjid, khasnya di bandar-bandar telah menyediakan Projektor LCD sebagai alat kemudahan untuk menyampaikan ilmu. Alat ini sebenarnya termasuk di dalam istilah ABM atau Alat Bantu Mengajar. Beberapa buah masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, seperti Masjid Wilayah Persekutuan di Jalan Duta dan Masjid Segambut, yang mana khatibnya menggunakan LCD projektor semasa menyampaikan Khutbah Jumaat. Ini adalah suatu yang baik kerana jemaah dapat melihat apa yang disampaikan oleh khatib. Ia juga menjadikan jemaah tidak mengantuk semasa mendengar khutbah.

ABM di dalam pengajaran dan pembelajaran adalah suatu yang baik dan perlu dalam keadaan-keadaan tertentu, kerana ia memang menolong untuk memudahkan kefahaman terhadap isi pelajaran yang disampaikan. Ia menjadikan jemaah dapat memahami dengan lebih baik lagi dan menjadikan konsep dan idea yang hendak disampaikan itu lebih jelas dan terang (Clark dan Irving Starr, 1996). Justru itu, eloklah para guru memikirkan tentang kepentingan dan kebaikan menggunakan ABM di masa akan datang.

Adakah ABM suatu yang baru dan bid'ah menggunakannya kerana tidak ada di zaman Rasulullah s.a.w.?

Sebenarnya ABM telah pun ada di zaman Rasulullah s.a.w., malah Baginda s.a.w. sendiri telah mengaplikasikannya. Cuma alat tersebut tidak secanggih sepertimana yang ada di zaman ini. Untuk lebih jelas tentang penggunaan ABM oleh Rasulullah s.a.w., mari sama-sama kita perhatikan hadis-hadis di bawah ini. Antaranya ialah hadis yang diriwayatkan daripada Jabir dan Ibnu Abbas seperti berikut:

عن جابر وابن عباس رضى الله تعالى عنهما قال جابر: كنا جلوسا عند النبي صلى الله عليه وسلم فخط بيده خطا هكذا أمامه، فقال: هذا سبيل الله عز وجل، وخط خطين عن يمينه وخطين عن شماله، وقال: هذه سبيل الشيطان، ثم وضع يده على الخط الأوسط، ثم تلا هذه الآية:

﴿وَأَنَّ أَسْفَلَ سَاقَاتِكُمْ رِجَالٌ لَّا تُلْقُونَ بِهَا الْحَصَىٰ﴾

Maksudnya: Diriwayatkan oleh Jabir dan Ibnu Abbas r.a., berkata Jabir: Ketika kami sedang duduk bersama dengan Nabi s.a.w., Baginda membuat satu garisan yang lurus di atas tanah dengan menggunakan tangannya seraya bersabda: “Inilah jalan Allah Azza wa Jalla.” Kemudian Baginda membuat dua garisan di sebelah kanan Baginda dan dua

garisan di sebelah kiri, setelah itu Baginda bersabda: “Inilah jalan-jalan syaitan”. Kemudian Baginda s.a.w. Meletakkan tangannya yang mulia itu di atas garisan tengah lalu membaca ayat (al-An’am 153)

Makna ayat: *Dan sesungguhnya inilah jalanKu yang lurus, maka ikutilah dia, dan janganlah pula kamu mengikuti jalan-jalan yang lain nescaya akan menceraikan kamu dari jalanNya. Demikian itulah yang diperintahkan oleh Allah kepadamu agar kamu bertaqwa* (Abu Ghuddah, 2001¹).

Dalam sebuah hadis yang lain Ibnu Abbas meriwayatkan begini:

عن عبد الله بن عباس رضى الله عنهما, قال: خط رسول الله صلى الله عليه وسلم في الأرض أربعة خطوط وقال: أتدرون لم خطت هذه الخطوط؟ قالوا: الله ورسوله أعلم. فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: أفضل نساء أهل الجنة: خديجة بنت خويلد, فاطمة بنت محمد, مريم ابنة عمران, وآسية بنت مزاحم امرأة فرعون.

Maksudnya: Daripada Abdullah bin Abbas, katanya bahawa Rasulullah s.a.w. membuat empat garisan di atas tanah seraya bersabda: “Adakah kamu tahu mengapa aku melakarkan empat garisan ini?” Mereka menjawab: “Allah dan RasulNya yang lebih mengetahui”. Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: “Semulia-mulia wanita di dalam syurga ada empat orang, iaitu Khadijah binti Khuwailid, Fatimah binti Muhammad, Maryam binti Imran dan Asiah binti Muzahim isteri Firaun” (Abu Ghuddah, 2001).

Daripada dua hadis di atas ahli pendidikan mengambil *istinbat* bahawa Rasulullah s.a.w. menggunakan ABM, iaitu melakarkan sesuatu di atas tanah semasa menerangkan sesuatu kepada sahabatnya supaya lebih jelas maksudnya.

Selain daripada hadis ini terdapat beberapa hadis lagi yang menerangkan bahawa Baginda s.a.w. menggunakan isyarat tangan semasa menerangkan sesuatu. Contohnya

¹ Tajuk asal buku ini ialah Al-Rasul al-Mu’allim wa Asalibihi fi al-Ta’lim. Oleh As Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah, diterjemahkan oleh Hj. Shuhadak Mahmud dengan judul Nabi Muhammad: Guru dan Pendidik Terulung.

menerangkan keadaan orang beriman yang saling bantu membantu sesama mereka diumpamakan seperti satu bangunan yang kukuh. Begitu juga semasa menerangkan kedudukan orang yang membantu anak yatim, iaitu mereka akan dapat duduk bersama Baginda di dalam syurga seperti jari telunjuk dengan jari tengah.

Untuk lebih jelas sila perhatikan dua hadis berikut:

عن أبي موسى الأشعري رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:
المؤمن للمؤمن كالبنيان يشد بعضه بعضا. ثم شبك رسول الله بين أصابعه.

Maksudnya: Diriwayatkan oleh Abu Musa al-Ash'ari r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Hubungan seorang mukmin dengan seorang mukmin yang lain ibarat satu binaan yang saling memperkukuhkan antara satu dengan yang lain”. Kemudian Baginda s.a.w. pun menyilang di antara jari jemari Baginda (Abu Ghuddah, 2001).

عن سهل بن سعد الساعدي رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:
أنا وكافل اليتيم في الجنة كهاتين, وأشار بإصبعيه: السبابة والوسطى, وفرج بينهما شيئا.

Mafhumnya: Daripada Sahl bin Sa'ad al-Sa'idiy r.a., katanya bahawa Rasulullah s.a.w., bersabda: “Aku dan orang yang membela anak yatim (menjaga kemaslahatannya) di dalam syurga kelak adalah seumpama ini”. Sambil Baginda s.a.w. menunjukkan kepada dua jari baginda, iaitu jari telunjuk dan jari tengah dan merenggangkan sedikit antara keduanya (Abu Ghuddah, 2001).

Kedua-dua hadis ini pula menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. menunjuk atau mengisyaratkan dengan jari jemarinya untuk menjelaskan sesuatu kepada sahabat-sahabat baginda. Ini adalah teknik penyampaian Rasulullah s.a.w. iaitu dengan menggunakan jari jemarinya sebagai Alat Bantu Mengajar (ABM).

Saya bawakan sebuah hadis lagi untuk menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. menggunakan ABM semasa baginda mengajar atau memberi tahu sesuatu:

عن علي بن أبي طالب رضي الله عنه قال: أخذ رسول الله صلى الله عليه وسلم حريرا بشماله, وذهبا بيمينه, ثم رفع بهما يديه فقال: إن هذين حرام على ذكور أمتي, حل لإنائهم.

Mafhumnya: Daripada Ali bin Abi Talib, beliau berkata: Rasulullah s.a.w. mengambil sehelai kain sutera dengan tangan kirinya dan emas dengan tangan kanannya dan mengangkat kedua-duanya ke atas seraya bersabda: “Sesungguhnya kedua-dua benda ini adalah haram ke atas umatku yang lelaki dan dihalaikan bagi umatku yang perempuan” (Abu Ghuddah, 2001).

Berdasarkan kepada hadis-hadis di atas, jelaslah kepada kita bahawa Rasulullah s.a.w. telah menggunakan ABM semasa menyampaikan ilmu kepada para sahabat Baginda. Justeru itu, penggunaan ABM bukanlah baru dan bukan direka oleh orang barat, sebaliknya Islam telah lama mengaplikasikannya. Jadi, kalau kita menggunakan ABM di dalam pengajaran dan pembelajaran di masjid dan surau bukanlah perkara baru dan bid'ah, sebaliknya kita mengikut sunnah Rasulullah s.a.w.

Dalam keadaan sekarang telah sampai masanya masjid dan surau menyediakan ABM agar guru dapat menghuraikan perkara yang dibincangkan dengan lebih baik dan jelas. Pihak masjid dan surau pula haruslah mampu menyediakan sekurang-kurangnya satu papan tulis (white board) dengan penanya (marker pen), supaya guru dapat menulis perkara-perkara penting dan juga istilah-istilah agama yang patut diingat oleh murid (Paul Stephens & Tim Crawley, 2002)

Contohnya, nama-nama najis seperti Mughallazoh, Mutawasitoh dan Mukhaffah (مغلظة متوسطة, مخففة). Nama-nama najis ini hendaklah ditulis dengan tulisan asalnya dalam bahasa Arab di atas papan tulis, dan guru sebut dengan sebutan yang betul dan fasih serta mengulang-ulangkan sebutan itu beberapa kali. Dengan ini maka murid akan dapat melihat tulisannya dan mendengar sebutannya dengan baik, dan akhirnya murid akan dapat menyebutnya dengan sebutan yang betul dan fasih seperti yang tertulis.

Sekarang ini kita dapati ramai orang Islam yang tidak dapat menyebut istilah-istilah agama dengan betul. Contohnya nama najis seperti yang disentuh di atas atau darah haidh (حيض) yang disebut dengan darah head (atau hed). Terdapat sebahagian imam yang memanggil jemaah supaya meluruskan sof (صف) untuk solat dengan sebutan "Sauuh, atau Sauup". Kenapa terjadi demikian? Antara lain sebabnya ialah kerana mereka tidak diasuh dan tidak dididik supaya menyebutnya dengan betul dan selanjutnya tidak pernah pula melihat ejaan asalnya di dalam bahasa Arab. Mereka pernah mendengar sebutan yang betul daripada guru, tetapi tidak diterapkan supaya menyebutnya dengan betul, maka mereka tidak mengambil perhatian terhadap sebutan tersebut. Dengan demikian, maka terus meneruslah mereka menyebut dengan sebutan yang salah. Sebab itulah maka perlunya ada ABM, iaitu papan tulis, untuk menulis dengan ejaan Arab yang asal dan sebutan guru yang fasih dan berulang-ulang.

Memahami Falsafah Pendidikan Islam

Selain daripada penggunaan ABM, guru juga harus memahami falsafah pendidikan seperti yang disentuh di atas, iaitu **perubahan tingkah laku** sebagai hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Maknanya, selepas satu jam mengikuti kuliah guru di masjid, diharap murid faham dan akan berlaku perubahan tingkah laku. Kalau dulu murid menyebut najis dengan sebutan Mughallazah (مغلظة), tetapi, selepas satu jam dia akan menyebutnya dengan betul, Mughallazoh (مغلظة). Inilah yang diistilahkan dengan **perubahan tingkah laku** dalam pendidikan, kerana murid telah mengubah cara menyebut kalimah tersebut daripada yang tidak betul kepada yang betul setelah mendengar sebutan yang betul daripada guru. Demikianlah dengan yang lain-lain.

Apa yang harus guru buat untuk mencapai matlamat ini?

Untuk mencapai matlamat ini, guru haruslah mempunyai objektif di dalam pengajarannya. Maknanya, sebelum guru itu menghadiri kuliahnya di masjid atau surau, sebaiknya guru hendaklah senaraikan dahulu hasil pembelajaran yang hendak dicapai dalam pengajarannya nanti. Tidak semestinya guru menyenaraikan di atas kertas atau buku khas (kalau boleh berbuat demikian, itu adalah lebih baik), cukup kalau guru senaraikan di dalam fikirannya sahaja. Contohnya guru hendak baca kitab tentang Fardhu Ain, iaitu tajuk **Jenis-jenis Najis dan Cara menyucikannya**.

Untuk tujuan ini guru boleh senaraikan tentang apa yang hendak dicapai di akhir kuliah. Misalnya, di akhir kuliah nanti jemaah dapat:

- a. menyebut nama-nama najis dengan betul.
- b. menjelaskan cara-cara menyucikan najis (Mukhaffafah, Mutawassitoh dan

- Mughallazoh)
c. jemaah dapat menyucikan najis dengan betul.

Menyeneraikan hasil pembelajaran dan menyusun langkah-langkah pengajaran seperti ini adalah termasuk di dalam istilah “Kaedah Mengajar”. Kaedah ini bukan sahaja perlu untuk guru di sekolah dan pensyarah di maktab atau Institut Pendidikan Guru (IPG), malah ia sangat baik bagi guru dan murid yang mengajar dan belajar di masjid dan surau.

Untuk menguji sama ada jemaah faham atau tidak kuliah yang satu jam itu, kalau mahu, guru boleh minta seorang atau dua murid menyebut nama-nama najis itu atau menjelaskan cara menyucikannya. Yang ini (memanggil jemaah untuk menyebut nama najis dan sebagainya) ada kalanya tidak sesuai, khasnya apabila semua murid itu berumur lebih 50 tahun. Jika ada murid yang berumur 30 tahun ke bawah, boleh diminta menyebutnya. Mengikut pengalaman penulis, ada jemaah yang suka untuk menyebutnya.

Dengan cara ini guru telah yakin bahawa apa yang diajarnya tadi betul-betul berkesan kerana guru telah melihat sendiri cara muridnya atau jemaah itu menyebut nama-nama najis dan menjelaskan cara menyucikan najis atau melakonkan kaifiatnya. Inilah tanda pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Memulakan Pengajian

Setelah kita bincangkan mengenai tulisan dan sebutan, ada satu lagi strategi yang patut ada dalam pengajaran dan pembelajaran di masjid, iaitu pengenalan atau induksi

set. Aktiviti ini dilakukan di awal sesi bagi memulakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini jarang-jarang dilakukan oleh guru-guru yang mengajar di masjid. Mengikut Omardin Ashaari (1997) induksi set perlu dalam memulakan pengajaran dan ia sangat penting dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Antara lain ia bertujuan untuk:

- a. Menarik perhatian pendengar atau murid. Iaitu bercakap sesuatu untuk menarik perhatian semua jemaah kepada guru seperti bercerita, bersoal jawab dan sebagainya. Setelah semua memberi perhatian kepada guru, barulah guru memulakan kuliahnya.
- b. Memotivasikan jemaah. Iaitu untuk merangsang jemaah supaya beri perhatian kepada tajuk yang akan dibincangkan
- c. Mewujudkan perkaitan di antara isi pelajaran yang dibincangkan pada minggu lepas dengan isi yang baru pada hari ini, supaya nampak kesinambungannya (Omardin Ashaari, 1997).

Huraian:

Berdasarkan kepada tujuan di atas, maka guru eloklah mulakan pengajian (selepas Hamdalah (memuji Tuhan), salawat dan salam serta doa) dengan menyebut kembali perkara-perkara yang telah dibincangkan pada minggu lepas. Kemudian sebutkan apa yang akan dibincangkan pada hari ini. Dengan cara ini jemaah dapat mengaitkan isi pelajaran yang lepas dengan yang hari ini. Jemaah akan bertambah minat untuk mendengar sambungannya kerana ia ada kaitan secara langsung. Dengan cara ini juga menjadikan jemaah lebih cepat bersedia untuk pengajian seterusnya.

Sebenarnya banyak lagi cara yang boleh dilakukan oleh guru semasa memulakan kuliahnya untuk menarik perhatian murid atau jemaah kepada pengajian yang akan disampaikan. Yang penting ialah aktiviti pengenalan atau induksi set ini boleh menarik

perhatian jemaah kepada guru untuk meneruskan pengajarannya. Antara perkara yang patut diambil perhatian semasa mengaplikasikan aktiviti ini ialah:

- a. Perkara yang hendak diperkatakan itu ada makna pada murid atau jemaah. Misalnya mengingatkan ilmu yang lepas, mendapat maklumat yang baru, kena mengena dengan kehidupan masyarakat Islam setempat dan lain-lain
- b. Ada kaitan dengan pelajaran yang lalu dan menolong untuk mencapai objektif pengajaran hari ini. Contohnya, menceritakan tentang ramai orang yang mengambil wudhuk di masjid (di kolah atau di paip air) tidak sah wudhuknya kerana basuhannya tidak rata atau tidak meliputi anggota wudhuk. Ini adalah bertujuan untuk menarik perhatian jemaah kepada objektif pengajian hari ini iaitu jemaah boleh mengambil wudhuk yang sempurna dan sah. Jadi dengan cara ini jemaah akan mendengar dengan hati-hati tentang kesalahan-kesalahan cara mengambil wudhuk daripada cerita guru itu dan bersedia hendak mendengar bagaimana pula cara yang betul, supaya mereka tidak melakukan kesalahan yang sama.
- c. Memberi kesedaran. Maksudnya, dengan pengenalan guru itu memberi kesedaran kepada jemaah untuk terus mengikuti kuliah-kuliah yang akan datang supaya mereka mendapat ilmu atau melakukan ibadat dengan betul dan sebagainya, sehingga jemaah merasakan rugi kalau tidak menghadiri kuliah.
- d. Memotivasikan jemaah, bahawa kelas-kelas agama adalah perlu dihadiri untuk mengingati semula perkara-perkara yang telah dipelajari pada masa dulu, demi untuk memperelokkan amalan, menambah ibadat dan memantapkan ilmu. Dengan ini dapat menghapuskan andaian bahawa kuliah di masjid ini tidak ada

makna pada mereka, kerana terdapat sebahagian orang yang beranggapan bahawa kuliah di masjid dan surau hanya untuk orang pencen sahaja bagi menghabiskan masa di waktu malam. Sedangkan masjid adalah pusat tersebarnya ilmu pengetahuan sejak daripada zaman awal Islam lagi hinggalah ke hari ini (Omarin Ashaari, 1997)

Menutup Sesi Pengajaran

Setelah selesai satu jam kuliah, guru haruslah dapat merasakan setakat mana penerimaan jemaah terhadap kuliahnya. Guru boleh menguji, kalau ia hendak, terhadap isi pelajaran yang telah dibincangkan. Iaitu dengan bertanya murid atau jemaah tentang perkara-perkara yang telah dibentangkan. Mungkin di masjid dan surau kurang sesuai, tetapi di pusat-pusat pengajian seperti sekolah, kolej dan university teknik ini adalah diamalkan.

Walau bagaimana pun, **yang paling penting**, guru hendaklah merumus hasil pembelajarannya atau isi-isi penting kuliahnya itu. Tujuannya adalah untuk membuat pengukuhan atau peneguhan terhadap isi pelajaran yang telah dibincangkan serta mengingatkan kembali perkara-perkara yang telah dibincangkan. Untuk melaksanakan sesi ini, guru haruslah mengambil perhatian kepada prinsip ini:

- a. Penutupan dibuat dengan meninggalkan kesan kepada murid atau jemaah, seperti katanya “ramai orang yang solat tidak sah kerana wudhuknya tidak salah. Wudhuk tidak sah sebab basuhannya tidak rata...”

- b. Apa yang dirumuskan memberi makna kepada jemaah dan membangkitkan perasaan hendak hadir lagi dalam kuliah ini pada masa akan datang. Contohnya “... Insya Allah minggu hadapan kita akan bincang pula bagaimana Rasulullah menangani keadaan askarnya setelah sebahagian daripada tenteranya belot dan berpatah balik di dalam peperangan Uhud..”
- c. Ilmu yang didapati itu dapat dikaitkan dengan amalan harian. Maksudnya ilmu itu bukan untuk pengetahuan sahaja tetapi untuk amalan orang Islam. Contohnya: “...Oleh sebab kita tidak ada ilmu di dalam bidang permakanan, maka orang Islam terus menerus memakan makanan yang syubhat atau makanan yang mengandungi bahan yang tidak suci, siapa yang salah?...”
- d. Isi yang dirumuskan itu hendaklah ringkas dan padat serta mudah diingat (Omardin Ashari, 1997)

Penutup

Setelah kita mengetahui betapa Masjid telah memainkan peranan yang sangat penting di dalam penyebaran ilmu-ilmu Islam, maka kita patut meneruskan kegemilangan masjid itu dengan memenuhinya majlis-majlis ilmu dengan lebih aktif lagi. Bukan sahaja dengan ilmu agama yang berfokus kepada Fiqah, Tauhid, Tasawuf, Sejarah dan sebagainya, malah dimasukkan juga ilmu-ilmu lain sebagai keperluan pada zaman ini seperti, kesihatan, pemakanan, keselamatan dan sebagainya. Selain daripada itu, demi untuk memartabatkan kegemilangan masjid, maka kaedah penyampaian ilmu juga patutlah dititikberatkan dengan mengaplikasikan teknik-teknik tertentu untuk keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Antaranya ialah dengan:

- a. Menyusun objektif atau hasil pembelajaran dengan bijak
- b. Muqaddimah yang menarik,
- c. Menggunakan Alat Bantu Mengajar yang sesuai (masjid dan surau hendaklah menyediakan ABM yang sesuai)
- d. Membuat rumusan yang mantap

Kesimpulannya, demi untuk mengembalikan kegemilangan masjid, perlu ada satu anjakan paradigma di dalam pengajaran dan pembelajaran di masjid dan surau bagi mencapai keberkesanan yang lebih mantap berdasarkan hasil pembelajaran yang diharapkan iaitu **perubahan tingkah laku**. Semoga dengan ini masjid dan surau kita akan bertambah cemerlang kerana diimarahkan dengan aktiviti keagamaan yang bersifat keilmuan. Semoga dengan itu, kita semua mendapat keredaan Allah s.w.t.

Rujukan

Abdullah Ishak (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Ghuddah, As Syeikh Abdul Fattah (2001). *Nabi Muhammad Guru dan Pendidik Terulung*. Terj. Hj. Shuhadak Mahmud. Bahau: M Khari Enterprise.

Abu Soleh, Muhibbuddin Ahmad (1988). *Asasiyat fi Turuq al-Tadris al-`Ammah*. Riyadh: Dar al-Huda li al-Nashri wa al-Tauzi'.

Ahmad Amin (1969). *Zuhr al-Islam*. Juz 1. Beirut: Dar al-Kutub al-`Arabiy.

Ahmad Haji Hasbullah (1998). *Perkembangan Tamadun Islam Zaman Pertengahan*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia.

Al-Ansari (1993). *Al-Ta'lim fi al-Madinah al-Muawwarah*. Al-Qahirah: Dar al-Manar.

Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib (1997). *Aims and objectives of Islamic Education*. Jeddah: Hodder and Stoughton.

Al-Maqrizi, Taqiyu al-Din Ibn al-Abbas, Ahmad bin Ali (t.t), *Al-Khitat*. Jld. 2. Beirut: Dar Sadir.

Al-Naqib, (1984). *Buhuth fi al-Tarbiyah al-Islamiyah*. Jil. 2. Qahirah: Dar al-Fikr.

Clark, Leonard H. dan Irving S. Starr (1996). *Secondary and Middle School Teaching Methods*. United States of America: Pearson Education.

Hall, D.G.E. (1968). *A History of South-East Asia*. New York: St. Martin's Press

Haykal, Muhammad Husain (1976). *The Life of Muhammad*. Ismail Ragi A. al-Faruqi (Terj.). USA: American trust Publication.

Kamus Dewan (2005) Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kinnany (1980). "Producing teachers for Islamic Education" di dalam *Curriculum and Teacher Education*. Jeddah: King Abdul Aziz University.

Mohd. Yusuf Ahmad (2004). *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Omardin Ashaari (1997). *Prinsip Pengajaran Mikro*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Paul Stephens & Tim Crawley (2002). *Becoming an Effective Teacher*. United Kingdom: Nelson Thornes.

Ragbir Kaur (2005). *Kursus Perguruan Lepas Ijazah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Shalaby (1981). *Tarikh al-Islami wa al-Hadharah al-Islamiyah*, ctk 9. Qahirah: Maktabah al-Nahdhah al-Masriyah.